

Ruj. Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/3(25)

Tarikh : 10 Mac 2021

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab**

YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PENGESAHAN BAKI KOD AKAUN UNTUK TUJUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA
SOKONGAN LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN 2020 – PENGESAHAN BAKI ASET**

Surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak ruj: ANM.PK.A.600-1/13Jld.2(12) bertarikh 9 Mac 2021 – Pengesahan Baki Kod Akaun Untuk Tujuan Penyediaan Kertas Kerja Sokongan (KKS) Lejar Akruan Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Pra-Peralihan Tahun 2020 adalah dirujuk berkenaan perkara di atas.

2. Untuk makluman, YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan, Unit Pengurusan Aset, JANM Perak (UPA Perak) bertanggungjawab untuk memastikan PTJ Pembayar membuat pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan seperti berikut:

BIL	ITEM PENYATA KEWANGAN	KOD AKAUN	LAMPIRAN PENGESAHAN BAKI	RUJUKAN LAPORAN PORTAL iGFMS
1.	Aset Bukan Kewangan	A14* - A23*	C1	Laporan Baki Aset
2.	Inventori ¹	A06* & A07*	C2	Laporan Ringkasan Hasil/ Belanja / Aset / Liabiliti / Ekuiti
3.	Perbelanjaan Terdahulu Aset ¹	A053*	C3	
4.	Aset Belum Bayar ¹	L013*	C4	
5.	Akaun Belum Bayar GRN / FRN Transit Aset ¹	L0191103	C5	

¹ Hanya melibatkan beberapa PTJ sahaja.

3. Sehubungan itu, bagi tujuan Pengesahan Baki Aset, PTJ Pembayar perlu membuat semak silang laporan di Portal iGFMAS dengan Lampiran Pengesahan Baki Seperti Pada 31 Disember 2020 (Lampiran C1 – C5). Sila rujuk Panduan Semakan Oleh PTJ Pembayar - Pengesahan Baki Aset Bukan Kewangan seperti di Lampiran 1 dan Panduan Semakan Oleh PTJ Pembayar - Pengesahan Baki Pengesahan Baki Inventori, Perbelanjaan Terdahulu Aset, Aset Belum Bayar dan Akaun Belum Bayar GRN/FRN Transit Aset seperti di Lampiran 2.

4. Oleh itu, PTJ Pembayar perlu mendapatkan **Lampiran Pengesahan Baki Seperti Pada 31 Disember 2020 (Lampiran C1- C5) mulai 11 Mac 2021 hingga 12 Mac 2021 secara:**

- a) hadir ke Tingkat 9, Unit Pengurusan Aset, JANM Perak; ATAU
- b) mendapatkan lampiran melalui emel dengan mengisi maklumat PTJ di pautan *google form* <https://forms.gle/EgkVoLdGUZGK6iN98>.

5. PTJ Pembayar perlu menyemak, mengesahkan dan menghantar **dua (2) salinan asal** lampiran pengesahan baki (**Lampiran C1 – C5**) yang lengkap ditandatangani oleh Ketua Jabatan selewat-lewatnya pada **19 Mac 2021 (Jumaat) jam 12.00 tengahari** ke Unit Pengurusan Aset, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak.

6. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pegawai di Unit Pengurusan Aset JANM Perak seperti di Lampiran 3 – Senarai PIC UPA Perak atau emel ke aset_prk@anm.gov.my. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

**UNIT PENGURUSAN ASET
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**